



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.62/ 2018

59 KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DUN N.49 SUNGAI KANDIS DIKELUARKAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada hari ini telah mengeluarkan sebanyak 59 kertas undi pos bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) N.49 Sungai Kandis, Selangor. Pengeluaran tersebut dijalankan oleh Petugas Pilihan Raya di Wisma Majlis Bandar Raya Shah Alam (MBSA), Shah Alam meliputi kategori undi pos seperti berikut:

- i. Pemilih Tidak Hadir (PTH) Luar Negara (penjawat awam yang bertugas di luar negara dan pasangannya; pelajar sepenuh masa dan pasangannya) seramai 13 orang pengundi seperti di negara Indonesia, United Kingdom, India, Sweden, Australia dan Korea Selatan.
- ii. Permohonan Borang 1A (petugas pilihan raya dan petugas media) seramai 44 orang pengundi.
- iii. Permohonan Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara) seramai 2 orang pengundi daripada Jerman dan United Kingdom.
- iv. Manakala tiada pengeluaran bagi kategori Borang 1C (anggota petugas kesihatan dan keselamatan yang dibenarkan) kerana tiada permohonan diterima.

2. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran wakil calon daripada PKR. Walau bagaimanapun, wakil calon BN dan Bebas tidak hadir semasa proses pengeluaran kertas undi pos tersebut.

3. Proses itu juga turut disaksikan oleh pemerhati-pemerhati pilihan raya yang dilantik seperti daripada Kelab Pemikir Politik Nasional, UKM, Bersih 2.0 dan ENGAGE.
4. Kertas undi berkenaan telah diserahkan kepada pihak Pos Malaysia untuk penghantaran segera kepada pengundi-pengundi terbabit yang dijadualkan mulai malam ini.
5. SPR juga mengingatkan kepada pengundi pos terbabit agar menanda kertas undi yang diterima dengan betul dan segera mengembalikannya semula kepada Pegawai Pengurus PRK DUN N.49 Sungai Kandis sebelum jam 5.30 petang pada Hari Mengundi iaitu pada 4 Ogos 2018 (Sabtu).

Sekian, terima kasih.

TAN SRI OTHMAN BIN HAJI MAHMOOD

Timbalan Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 23 Julai 2018 / 10 Zulkaedah 1439H